

NO. SOALAN: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[BUKIT GANTANG]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2017 | KHAMIS**

**SOALAN :**

Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah punca berlakunya masalah jemaah Haji 2017 yang terkandas dan berapakah kos yang terpaksa ditanggung oleh Lembaga Tabung Haji sepanjang tempoh tersebut.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR  
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada Musim Haji 1438H/2017 yang berakhir pada 5 Oktober yang lalu, tiada jemaah haji yang terkandas tetapi terdapat sebilangan kecil jemaah haji yang tertunda tarikh penerbangan mereka ke Tanah Suci. Kesemua para jemaah terbabit telah berjaya diterbangkan ke Tanah Suci untuk menunaikan haji. Sesungguhnya Tabung Haji (**TH**) amat prihatin tentang kebajikan jemaah

3

haji yang menghadapi masalah ini dan telah mengambil langkah sewajarnya dalam menyelesaikannya.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perjalanan seseorang jemaah haji selain dari segi kouta, termasuk juga visa yang diwajibkan sebagai kebenaran menunaikan haji dan memasuki Arab Saudi. Proses permohonan dan kelulusan visa haji adalah secara atas talian sepenuhnya di mana ia perlu melalui tiga saluran kelulusan utama secara berperingkat (satu persatu), iaitu sistem e-Haji, Muassasah dan Kementerian Luar Arab Saudi, yang dikendalikan sepenuhnya oleh pihak Arab Saudi dan di luar kawalan **TH**. Tambahan pula, peningkatan jumlah jemaah haji yang lebih ramai dari seluruh dunia pada tahun ini, yang mana mereka juga menggunakan sistem atas talian (*online*) yang sama, telah mengakibatkan sedikit kegelinciran pemprosesan visa.

Dalam menangani isu ini, **TH** telah mendapat komitmen dan bantuan yang amat baik dari pihak Kedutaan Arab Saudi di Kuala Lumpur serta pihak berkuasa di Arab Saudi. Pihak Kedutaan Arab Saudi telah mengambil pelbagai langkah sewajarnya seperti penambahan kakitangan dan membuka pejabatnya sehingga waktu malam dan pada hujung minggu, untuk mempertingkatkan proses-proses urusan visa.

Mengenai kos yang ditanggung oleh **TH** akibat masalah ini ialah sebanyak RM500,000 merangkumi aspek penyediaan penginapan di Malaysia, makan-minum, pengangkutan bas ke hotel dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.